



UMAR ZURRAYAN MOHD FAHMI,
MAKTAB RENDAH SAINS MARA GEMENCHEH, NEGERI SEMBILAN.

KITA JAGA KITA

Tatkala negara tercinta sedang berperang dengan ancaman yang berbahaya, maka lahirlah satu frasa yang berbunyi, “Kita jaga kita”. Kita perlu cakna bahawa musuh yang kita sedang hadapi ini bukan calang-calang. Hal ini demikian kerana musuh yang bernama COVID-19 ini telah diklasifikasikan sebagai pandemik. Tambahan pula, COVID-19 tidak dapat dilihat secara zahir oleh mata kasar. Oleh itu, dengan pelaksanaan strategi “Kita jaga kita” mampu mengekang wabak ini secara menyeluruh.

Dalam kita berhadapan dengan musuh yang kabur, amat penting untuk kita bersatu hati dan memberikan kerjasama kepada pihak yang berautoriti seperti petugas barisan hadapan negara seperti para doktor, jururawat, polis dan askar. Hal ini demikian kerana kerjasama yang diberikan tersebut dapat membantu usaha kerajaan memutuskan rangkaian jangkitan wabak COVID-19. Contohnya, dengan hanya kekal berada di rumah, kita sebenarnya sudah menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara dan secara tidak langsung kita dapat mengelakkan diri daripada dijangkiti oleh virus tersebut. Maka strategi “Kita jaga kita” dapat direalisasikan dengan jayanya.

Selain itu, kempen untuk membantu golongan yang terjejas akibat wabak COVID-19 boleh dilaksanakan tetapi dalam sekala yang kecil sahaja. Kita perlu tahu bahawa dengan hanya duduk di rumah, kita juga dapat membantu golongan yang terjejas ini. Sebagai contoh, kita boleh

menyumbangkan wang kepada pihak tertentu yang melaksanakan kempen membantu golongan terjejas. Inilah masa yang sesuai untuk kita membantu sesama insan seperti peribahasa “Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni”. Oleh itu, kita tidak boleh bersikap individualistik jika ingin memastikan penularan wabak dapat dihentikan.

Seterusnya, masyarakat perlulah berfikir kreatif dan inovatif ketika tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). Sebagai contoh, pelaksanaan perniagaan secara dalam talian mampu menyumbang dalam sektor ekonomi sepanjang PKP dilaksanakan. Hal ini demikian kerana kita sedia maklum bahawa agak sukar untuk kita melakukan aktiviti jual beli secara langsung dalam tempoh ini. Oleh yang demikian, aliran ekonomi dapat bergerak walaupun dalam keadaan yang perlahan. Melalui kaedah ini, kita dapat menjanakan pendapatan antara satu sama lain selaras dengan usaha kerajaan, iaitu “Kita jaga kita”.

Tuntasnya, terdapat pelbagai pendekatan yang boleh dilaksanakan untuk kita mengekang penularan wabak COVID-19. Yang sebenarnya, kunci kejayaan kita pada dasarnya datang daripada atma setiap warganegara yang mahukan Malaysia bebas daripada cengkaman COVID-19. Rakyat Malaysia saling bersatu hati dan bekerjasama antara satu sama lain dalam pelbagai aspek. Inilah yang dinamakan sebagai “Kita jaga kita”. Oleh itu, masyarakat perlu bersedia untuk menerapkan norma baharu ini dalam kehidupan setelah berakhirnya penularan COVID-19 ini. **ds**